

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti

Prosedur Kerja Selamat (PKS)

Aktiviti / Tugas: PENGUNAAN KEBUK WASAP	
No. Bilik/Makmal/Bengkel: MAKMAL KPP	Jabatan/PTJ: Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK)
Alat Lindung Diri (ALD) / peralatan / lain-lain pertimbangan keselamatan yang diperlukan: - Kot Makmal - Kasut Bertutup - Sarung tangan latex / nitrile - Goggle - Face shield - Topeng muka (Facemask)	
Hazard: - Terhidu wap-wap bahan kimia yang terbebas semasa eksperimen dijalankan. - Terkena percikan atau tumpahan bahan kimia semasa eksperimen dijalankan. - Bahaya elektrik. - Postur kerja yang tidak ergonomik. - Radas kaca pecah.	
Latihan Yang Diperlukan: - Pengendalian kebuk wasap. - Pengendalian bahan kimia. - Pengurusan sisa kimia. - Tindakbalas kecemasan.	
Langkah untuk menjalankan tugas dengan selamat:	
1	Sebelum Pengendalian: - Memastikan pengguna memakai ALD yang lengkap - Pastikan pengguna menjalankan eksperimen yang bersesuaian dengan jenis kebuk wasap. - Kipas penyedut dihidupkan terlebih dahulu untuk mengeluarkan wap-wap bahan kimia yang tertinggal di dalam kebuk wasap sebelum pintu kebuk wasap dibuka. - Pastikan juga kipas penyedut tidak mengeluarkan bunyi yang bising atau gegaran pada masa digunakan. - Lampu kebuk wasap dipasang sekiranya perlu. - Peralatan atau radas yang dipasang di dalam kebuk wasap tidak mengganggu pembukaan atau penutupan pintu kebuk wasap. - Semua peralatan elektrik perlu disambung dari luar kebuk wasap untuk mengelakkan percikan api yang boleh bertindak dengan bahan kimia mudah terbakar atau meletup. - Bacaan halaju pada permukaan pintu kebuk wasap hendaklah disemak dari semasa ke semasa ketika pembukaan penuh pintu:- - Bacaan halaju TIDAK kurang daripada 0.50 m/s (bagi mengeluarkan udara tercemar) - Bacaan halaju TIDAK kurang daripada 0.75 – 1.00 m/s (bagi mengeluarkan wap-wap atau bahan-bahan yang sangat beracun)

2	Semasa Pengendalian: 2.1 Bahan kimia dan radas hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 15cm (6 inci) ke dalam dari pinggir hadapan <i>sash</i> bagi mengelakkan gangguan aliran udara. 2.2 Pintu kebuk wasap (<i>sash</i>) hendaklah direndahkan semasa eksperimen dijalankan. 2.3 Pastikan penyekat udara (<i>baffles</i>) di bahagian belakang tidak dihalang oleh peralatan. 2.4 Jangan melakukan kerja secara berseorangan selepas waktu pejabat. Maklumkan kepada orang lain tentang tempat dan masa kerja-kerja sedang dilakukan. 2.5 Patuhi cara kerja selamat sepanjang pengendalian alat ini.
3	Selepas pengendalian: 3.1 Bersihkan <i>bench</i> kebuk wasap daripada sebarang tumpahan dan percikan bahan kimia sepanjang eksperimen dijalankan. 3.2 Pastikan <i>sash</i> diturunkan sehingga tahap maksimum terlebih dahulu sebelum mematikan kipas penyedut. Ini untuk mengelakkan wap bahan kimia yang terhasil semasa eksperimen dijalankan tidak memasuki ruang-ruang di dalam makmal. 3.3 Simpan ALD yang telah digunakan ditempat yang telah dikhaskan. ALD yang pakai buang hendaklah dibuang di tempat yang sepatutnya. 3.4 Cuci tangan dengan sempurna. 3.6 Memastikan semua insiden / kejadian merbahaya dilaporkan dalam masa 24 jam kepada Penyelaras KKP (OSH C) Pn Siti Mahirah Yusuf (Samb.No: 7801)
Pengesahan	
Disediakan oleh:  Pn. Juskasmini Binti Jusoh Penolong Pegawai Sains Tarikh: 19 Julai 2026	Disemak oleh:  Pn. Siti Mahirah Binti Yusuf Pegawai Sains Tarikh: 19/07/2026
Diluluskan oleh:  En Md Lukmi Bin Ismail Ketua Pegawai Sains Kanan Tarikh: 30/07/2026	